

PRAKTIS AGIHAN ZAKAT KEPADA PENGHUTANG CETI HARAM DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI

**MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN¹
SRIRAHAYU SARIFIN²**

Corresponding Author: khaidzir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Zakat merupakan sebuah sistem sosioekonomi yang telah diwartakan pensyariatannya di dalam al-Quran dan hadis. Pengurusan zakat telah melalui pelbagai perubahan dan evolusi bermula dari zaman Rasulullah SAW hinggalah hari ini. Perubahan-perubahan tersebut termasuk takrifan asnaf, penetapan undang-undang, kaedah dan prosedur agihan serta bayaran balik pinjaman. Setiap asnaf yang dinyatakan di dalam nas syarak telah melalui proses pentakrifan yang disesuaikan mengikut zaman dan tempat. Oleh kerana pengurusan zakat di Malaysia diletakkan di bawah bidang kuasa setiap Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri, maka setiap negeri mempunyai pentakrifan tersendiri setiap asnaf yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Perbezaan ini berikutan perbezaan fahaman dan dasar hukum yang diletakkan oleh pihak berautoriti dalam bidang hukum setiap negeri di Malaysia. Tujuan kertas ini adalah untuk menganalisis takrifan asnaf gharimin menurut para sarjana Islam dan hubungkaitnya dengan praktis agihan zakat ke atas penghutang ceti haram. Fokus kajian adalah tertumpu kepada hukum bantuan zakat kepada penghutang ceti haram, pengukuran kelayakan dan mekanisma penyaluran bantuan. Metodologi kajian adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan pengumpulan maklumat dari sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati hukum meminjam dengan ceti haram adalah haram melainkan di dalam keadaan dharurah. Elemen dharurah ini menjadi kayu ukur kepada kelayakan penghutang, tahap keperluan bantuan, dan kaedah agihan zakat. Kelonggaran ini menunjukkan keadilan dan fleksibiliti hukum Islam yang sesuai dan praktikal sepanjang zaman.

Kata kunci: zakat, agihan, asnaf, gharimin, ceti haram, dharurah.

1. Pengenalan

Zakat merupakan sebuah sistem sosioekonomi yang telah diwartakan pensyariatannya di dalam Al Quran dan Hadith Nabi Muhammad S.A.W. Pengurusan zakat di Malaysia diletakkan di bawah bidang kuasa setiap Majlis-majlis Agama Negeri-negeri seluruh Malaysia. Pengamalan ini telah menjadi amalan yang telah diwariskan sejak zaman pemerintahan Khalifah Saidina Umar R.A. Pada zaman tersebut, Khalifah telah memperkenalkan sebuah entiti khusus yang dikenali sehingga hari ini dengan nama 'Baitulmal' bertanggungjawab menguruskan hal ehwal zakat dari segi kutipan, pengumpulan, agihan dan sebagainya.

Ibadah zakat ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana ianya tidak mengandungi ibadah yang khusus terjalin dengan hablul Allah sahaja, malah ianya juga ibadah yang menuntut untuk menjalinkan dengan hablul min Annas. Harta zakat yang telah dikumpulkan akan diagihkan kepada golongan-golongan yang telah ditetapkan oleh Al- quran dan hadith.

¹ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Eksekutif, Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, Negeri Sembilan

Kelapan-lapan asnaf tersebut telah dinyatakan secara jelas di dalam Al quran melalui firman Allah swt dalam surah at Taubah ayat 60 bermaksud:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Melalui ayat ini, penerima-penerima zakat telah ditetapkan oleh Allah. Setiap asnaf yang dinyatakan telah melalui proses pentakrifan yang disesuaikan mengikut zaman dan tempat. Setiap negeri di Malaysia mempunyai pentakrifan tersendiri setiap asnaf yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Perbezaan ini berikutan perbezaan fahaman dan dasar hukum yang diletakkan oleh pihak berautoriti dalam bidang hukum setiap negeri di Malaysia.

Baitulmal yang sehingga hari ini namanya masih digunakan di kebanyakan negara Islam telah menjadi sebuah institusi yang berperanan menjaga dan memelihara sosioekonomi Islam. Pengurusan zakat secara efisien dan sistematik mampu melonjakkan potensi zakat sebagai instrument pembangunan umat Islam (Khairul Azhar bin Meerangani, 2017). Pencapaian kutipan zakat yang tinggi dari tahun ke tahun oleh pusat zakat negeri tidak dapat dinafikan lagi. Jumlah kutipan zakat secara keseluruhan telah mengalami peningkatan (Laporan JAWHAR 2020). Namun begitu, aspek pengagihan zakat kepada kumpulan sasaran juga adalah penting selepas mempunyai sistem kutipan yang baik (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, 2004).

Institusi zakat yang diamanahkan untuk menguruskan urusan pengagihan bantuan zakat kepada asnaf-asnaf adalah dibawah kuasa pentadbiran negeri-negeri. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama mazhab berkaitan hukum dan undang-undang pengagihan zakat samada diwajibkan ke atas sesebuah kerajaan atau individu, namun pengamalan di Malaysia lebih cenderung kepada pendapat mazhab Syafie yang mewajibkan pengagihan zakat melalui kerajaan di atas beberapa sebab antaranya keterbatasan maklumat individu untuk mengakses maklumat asnaf-asnaf sasaran berbanding kerajaan.

Oleh itu, menyerahkan urusan pengagihan kepada kerajaan adalah lebih efektif berikutan terdapat beberapa golongan asnaf yang sukar untuk dikenalpasti. Satu kumpulan penyelidik dari Universiti Malaya menyatakan hasil kajian mereka mendapati pihak pembayar zakat tidak berpuashati akan pengurusan agihan zakat dan menginginkan zakat perlu diteliti supaya bantuan dapat disalurkan kepada asnaf selain fakir, miskin dan amil seperti al-gharimin, fi sabilillah dan ibn sabil (Hairunnizam Wahed, Sanep Ahmad, 2009).

2.0 Zakat Asnaf Gharimin

Al-Gharimin adalah kata majmuk bagi *gharim* yang bermaksud orang yang berhutang. Manakala *al-gharim* pula adalah pemiutang. Asal bagi perkataan *al-Gharm* dari segi bahasa

adalah *al-Luzum* iaitu sesuatu yang melazimkannya. Dari segi istilah/syarak al-gharimin boleh dilihat melalui beberapa sumber:

2.1. Pandangan Fuqaha'

2.1.1. Mazhab Syafie Dan Hanbali

Menurut mazhab Syafie dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain, dan sama ada hutang untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah) atau hutang untuk perkara maksiat. Sekiranya seseorang berhutang untuk dirinya maka zakat tidak boleh diberikan kecuali jika dia fakir. (Wahbah az-Zuhaili, 2011).

2.1.2. Mazhab Hanafi

Menurut Mazhab Hanafi takrif *Al-gharimin* ialah orang yang menanggung hutang dan dia tidak mempunyai harta dalam kadar nisab yang melebihi hutangnya. (Wahbah az-Zuhaili, 2011).

2.1.3. Mazhab Maliki

Pendapat ulama Mazhab Maliki al-gharim ialah orang yang mempunyai harta untuk membayar hutangnya yang bukan maksiat seperti hutang untuk minum arak dan berjudi. Juga dia bukan berhutang dengan tujuan untuk membolehkan dia mengambil zakat seperti dia mempunyai wang yang cukup kemudian berbelanja lebih dengan cara hutang membolehkannya mengambil zakat. (Wahbah az-Zuhaili, 2011).

Terdapat sebahagian ulama Mazhab Syafi'e membahagikan asnaf gharimin kepada beberapa golongan:

- i. Orang yang berhutang untuk meleraikan pertelingkahan antara dua pihak dan pertelingkahan tersebut terlerai kerananya.
- ii. Orang yang berhutang untuk urusan peribadi atau keluarganya.
- iii. Orang yang berhutang untuk menjamin orang lain.

Kesemua golongan tersebut terkandung dalam dua kategori iaitu golongan yang berhutang untuk mendamaikan persengketaan dan berhutang untuk tujuan peribadi. Perbincangan tentang golongan yang berhutang untuk mendamaikan pertelingkahan telah dikhususkan ulama kepada mereka yang berhutang melibatkan pembayaran diat atau menanggung hutang pihak lain yang tidak melibatkan diat seperti pampasan, atau ganti rugi. Menurut Mazhab Syafie orang yang berhutang perlu menyatakan bukti hutangnya atau dipanggil *bayyinah*. Hal ini kerana asnaf gharimin termasuk dalam kategori sifat asnaf yang nyata (*jaliy*). (Wahbah Zuhaili, 2011).

2.2. Pandangan Menurut Institusi-Institusi Zakat di Malaysia:

Majlis-majlis Agama Islam setiap negeri di Malaysia bertanggungjawab menguruskan dana zakat dari segi kutipan dan agihan. Setiap negeri akan mempunyai pengurusan yang tersendiri. Pentakrifan setiap asnaf juga merupakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada setiap negeri. Berikut merupakan takrif asnaf Al-gharimin di setiap negeri di Malaysia:

Jadual 1: Takrif Asnaf Gharimin di Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-negeri

Bil	Negeri	Takrif Asnaf Gharimin
1	Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Perlis	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
2	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh hukum Syarak.
3	Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Kelantan	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syara'.
4	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.
5	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.
6	Majlis Agama Islam Melaka	Mereka yang tetap padanya sesuatu hutang atau mempunyai pemiutang pada dirinya secara tetap/kekal.
7	Majlis Agama Islam Johor	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum Syarak.
8	Zakat Pulau Pinang	Orang yang berhutang sama ada hutang untuk diri sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah)
9	Majlis Agama Islam Sabah	Berdasarkan Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993, seseorang yang berhutang wang atau harta untuk kegunaan orang awam sebagaimana yang dibenarkan oleh hukum Syarak
10	Lembaga Zakat Selangor	Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya, hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak dan hutang telah sampai tempoh untuk dijelaskan

11	Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak	Orang yang terpaksa berhutang disebabkan keperluan mendesak yang tidak berlebih-lebihan bagi diri dan masyarakat Islam yang bukan kerana maksiat (nafsu).
12	Majlis Agama Islam Kedah	Orang yang berhutang untuk kepentingan yang bukan maksiat dan tidak mampu membayarnya. Begitu juga bagi orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam. Maka hutangnya itu dibayar dengan zakat walaupun dia mampu membayarnya.
13	Majlis Agama Islam Pahang	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
14	Majlis Agama Islam Perak	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak tapi tidak mampu membayarnya.

Sumber: Portal Majlis-Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia

Merujuk kepada takrifan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Perlis, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan mentakrifkan asnaf *Al-gharimin* secara asasnya sebagai golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak. Manakala menurut Majlis Agama Islam Melaka, takrif asnaf *Al-gharimin* lebih umum; Mereka yang tetap padanya sesuatu hutang atau mempunyai pemiutang pada dirinya secara tetap/ kekal.

Takrif asnaf *Al-gharimin* yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) lebih terperinci. Orang yang berhutang menurut mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Antara syarat yang diletakkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah mestilah orang yang berhutang tersebut tidak mampu menjelaskan hutangnya, hutang hendaklah dalam perkara yang diharuskan dan hutang telah sampai tempoh. Sementara itu, Majlis Agama Islam Kedah pula memperincikan keadaan orang yang berhutang untuk tujuan kemaslahatan masyarakat atau persatuan umat Islam perlu dibantu walaupun dia mampu membayarnya. Begitu juga Tabung Baitulmal Sarawak menghadkan bantuan *Al-gharimin* hanya untuk hutang-hutang yang melibatkan masyarakat awam sahaja.

Secara umumnya, melalui pentakrifan ini, pihak pengurusan bantuan zakat Negeri-negeri tidak menspesifikasikan sama ada sumber hutang diambil daripada agensi kewangan yang patuh syariah atau tidak, yang berlesan atau tidak berlesan. Yang menjadi fokus hanya pada tujuan hutang itu diwujudkan, tempoh hutang dan keadaan orang yang mewujudkan hutang tersebut. Setiap Negeri di Malaysia menggunakan takrif yang hampir sama dan menjadi perbezaan pada syarat kelayakan dan jumlah peruntukan bantuan yang disalurkan.

3.0 Analisis Hukum

3.1 Hutang Daripada Perspektif Islam

Berdasarkan perspektif Islam, istilah hutang sering dikaitkan dengan aktiviti pinjaman. Ianya melibatkan proses pemindahan hak milik secara sementara antara peminjam dan pemberi pinjam (pemiutang). Menurut rujukan klasik, pinjaman hanya berlaku ke atas manfaat barang sahaja bukan ke atas ain barang tersebut (Ibrahim Al-Bajuri, Hasyiah Bajuri 'ala Syarh Ibn Qassim Al-Ghazzi). Secara kebiasaannya, konsep pinjaman akan melibatkan tempoh (Nor Aini, Suhaili Sarif & Nor Azzah Kamri, 2016).

Secara asasnya, semua barang yang mempunyai nilai boleh dipinjamkan. Hukum meminjam di dalam Islam merupakan perkara yang diharuskan berdasarkan penelitian terhadap ayat Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli. Dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Dalam hadis pula sebagaimana diceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda Riwayat Ibn Majah; pada malam Isra', aku melihat di pintu syurga ada tercatat bahawa sedeqah ganjarannya adalah 10 kali ganda, manakala hutang pula ganjarannya adalah 18 kali ganda. Aku bertanya: wahai Jibril! Kenapa hutang lebih baik daripada sedeqah? Jibril menjawab: Sebab orang yang meminta sedeqah mereka masih lagi memiliki sesuatu, sedangkan orang yang berhutang akan hanya berhutang kerana perlu (Hadis Riwayat Ibn Majah)

Secara keseluruhannya, nas-nas ini menjelaskan keharusan untuk berhutang secara tangguh, secara tidak langsung membuktikan keharusan untuk berhutang atau membuat pinjaman. Menurut Fuqaha, mereka meletakkan hutang di bawah tajuk perbahasan tabarru' atau kebajikan. Oleh itu, secara hukumnya, tidak boleh ada sebarang penambahan ke atas hutang yang diterbitkan kerana setiap faedah yang dikenakan ke atas hutang adalah riba yang diharamkan seperti yang disebutkan di dalam Al Quran Surah Ali Imran ayat 130:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:


Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

Disamping itu, keharusan ini tidak menafikan kewajipan terhadap pembayaran balik pinjaman. Dalam Islam, membayar hutang tepat pada masanya adalah wajib. Hal ini begitu serius sehingga Allah SWT mengancam orang mati yang tidak membayar hutang, rohnya akan tergantung sehingga hutang tersebut diselesaikan. Secara tidak langsung ia menghalang daripada memasuki syurga. Kenyataan ini bertepatan dengan hadith Rasulullah SAW riwayat Ibn Majah:

Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah SAW bersabda:” Roh orang mukmin akan tergantung sehingga hutang dilunaskan. (Hadis Riwayat Ahmad dan Tirmizi)

3.2. Hukum Pinjaman Ceti Haram

Ceti haram didefinisikan sebagai orang yg memberikan pinjaman wang secara haram dan mengenakan bunga yang sangat tinggi, dan biasanya akan bertindak ganas sekiranya pinjaman tersebut tidak dibayar (Kamus dewan edisi keempat). Ceti haram atau “Ah Long” merupakan perkara yang dibahaskan sehingga peringkat kementerian dan kerajaan. Berdasarkan Laporan persidangan Parlimen yang dikeluarkan pada tahun 2003, satu rang undang-undang telah diwartakan untuk meletakkan semua pengurusan instistusi kewangan di Malaysia di bawah seliaan Kementerian Kewangan termasuk syarikat-syarikat pemberi pinjam. Walaubagaimanapun, budaya hutang di Malaysia menunjukkan ramai yang berhutang dengan syarikat pemberi pinjaman tidak berlesen atau ceti haram (ceti haram). Berikut merupakan peratusan orang yang berhutang dengan ceti haram mengikut kelompok bangsa yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pada 11 Oktober 2019:



Sumber: Portal Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

Bagaimanakah keadaan ini berlaku? Tentunya tarikan yang dilakukan oleh syarikatsyarikat ini lebih menarik golongan-golongan sasaran. Mereka bergerak secara proaktif bukan hanya menunggu pelanggan di pejabat sahaja, malah mereka akan datang menemui mangsa mereka di kedai-kedai, premis-premis peniagaan dan sebagainya. Golongan sasaran adalah mereka yang telah disenaraihitam oleh Bank Negara Malaysia (BNM) atau golongan yang sukar untuk mendapat kelulusan pinjaman dari bank-bank. Konsep *easy money* atau *quick cash* lebih mudah untuk diperolehi jika melalui ceti haram atau ceti haram. Lebih menyedihkan apabila data yang dikeluarkan oleh (PPIM) menunjukkan 80% daripada lebih 10 ribu aduan yang diterima berkaitan ceti haram adalah melibatkan Melayu Islam.

Hukum pinjaman/ hutang secara asalnya adalah harus. Namun tujuan dan keadaan pinjaman yang dilakukan akan merubah keharusan pinjaman tersebut. Secara dasarnya, hukum pinjaman yang melibatkan unsur riba' adalah haram berdasarkan ayat Al Quran Surah Al Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjualbeli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Terdapat banyak nas hadith turut menceritakan pengharaman riba antaranya sabda Nabi SAW:

“Jauhilah kamu daripada tujuh dosa besar ini (perkara yang membinasakan). Para sahabat bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah SAW? Rasulullah SAW bersabda: Syirik kepada Allah SWT, sihir, membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah SWT melainkan dengan kebenaran memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari peperangan dan menuduh wanita yang beriman dengan berzina”(Riwayat al-Bukhari (2766) dan Muslim

(145)Selain itu, sekiranya tujuan hutang yang diwujudkan atas sebab yang berunsur maksiat dan pembaziran adalah haram berdasarkan Mazhab Shafi'ie: Haram sekiranya pemiutang mengetahui hutang yang diberikan akan digunakan untuk tujuan maksiat yang diharamkan oleh syarak seperti berjudi, modal perniagaan arak dan sebagainya (Mustafa al-Bugha et. al. 2009: 1328).

Disamping itu, isu pinjaman dan hutang juga berkait rapat dengan perbincangan *masalah* dan *Maqasid Syariah*. *Maqasid syariah* telah membahagikan keperluan manusia secara asas kepada 3 bahagian: *Dharuriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Keutamaan kumpulan *dharuriyyat* telah menjadikan hukum berhutang dan memberi hutang adalah wajib sekiranya keadaan memaksa untuk mewujudkan sesuatu hutang (Abdul Basit bin Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh, 2014). Tambahan pula, hukum yang ditegah akan dilonggarkan sekiranya melibatkan kumpulan *dharuriyyat*. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh:

‘Segala perkara *dharuriyyat* akan mengaharuskan perkara yang dilarang’.

Jika dilihat keadaan orang berhutang dengan institusi wang yang berunsurkan riba dalam hal *dharuriyyat* adalah dibenarkan berdasarkan kaedah di atas. Walaubagaimanapun, indikator *dharuriyyat* perlu digariskan supaya tidak membuka ruang untuk menghalalkan pinjaman riba. Kayu ukur tahap *dharuriyyat* seseorang untuk meminjam dari Ceti haram juga terlalu abstrak. Dengan fenomena budaya keberhutangan masyarakat hari ini yang sudah sebat. Kerisauan dalam masyarakat hari ini apabila wujudnya sikap segelintir anggota masyarakat melayu yang membenarkan tabiat berhutang menguasai mereka sehingga membawa kemudharatan bukan sahaja kepada diri sendiri malah ahli keluarga. Rata-rata masyarakat melayu terpaksa berhutang untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa dengan tujuan untuk memiliki keperluan asas seperti kenderaan, rumah, perabot dan sebagainya. Terdapat juga mereka yang berhutang bagi tujuan menceburi diri dalam bidang perniagaan atau meluaskan lagi empayar perniagaan dan untuk berkahwin.

Jika dilihat melalui kaca mata *Maqasid Syariah*, sesuatu hutang diwujudkan untuk memenuhi keperluan asas adalah wajib sekiranya tiada jalan lain selain dengan cara berhutang. Hal ini kerana memenuhi keperluan *dharuriyyat* adalah wajib. Perkara ini juga tidak menafikan keharusan untuk meminjam dari Ceti haram sekiranya tiada cara lain selain daripada berhutang secara riba. Namun, adakah berhutang merupakan perkara *dharuriyyat* sehingga menafikan alternatif lain untuk memenuhi keperluan asas?

Menurut Hailani Muji Tahir, muamalah juga boleh menjadi perkara *hajiyyat* dalam keadaan tertentu kerana membuka ruang bagi memudahkan urusan yang *dharuriyyat*. Maka, hutang juga tergolong dalam perkara *hajiyyat* kerana sebagai suatu cara untuk mendapatkan keperluan asas yang bersifat *dharuriyyat*. Sebagai contoh, seseorang yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas. Walaupun dengan wujudnya agensi-agensi bantuan, individu tersebut lebih memilih untuk berhutang kerana lebih memudahkan. Oleh itu, sekiranya berhutang itu sendiri adalah perkara yang *hajiyyat* dan tidak termasuk perkara *dharuriyyat*, bagaimana pula berhutang dengan ceti haram? Dengan kewujudan agensi-agensi bantuan yang lebih selamat dan mematuhi syara' maka keterdesakan untuk berhutang akan terbatal lebih-lebih lagi sekiranya hutang tersebut adalah daripada ceti haram seperti yang disebut dalam kaedah fiqh: ‘*Apa yang dibenarkan kerana keuzuran, maka akan terbatal sekiranya keuzuran tersebut hilang*’.

3.3. *Hukum Agihan Zakat Untuk Melangsaikan Hutang Ceti Haram*

Orang yang berhutang merupakan salah satu daripada lapan asnaf yang telah ditetapkan di dalam Al Quran berdasarkan Surah At-Taubah ayat 60. Begitu juga nas hadis Nabi SAW telah menjadi dalil menunjukkan orang yang terbeban dengan hutang merupakan golongan yang layak dibantu dengan dana zakat. Ini berdasarkan hadith daripada Qabisah bin Mukhariq al-Hilali yang mana menyebutkan:

“Aku telah menanggung bebanan yang banyak lantas aku pergi mengadu kepada Rasulullah SAW. Maka Baginda bersabda mafhumnya: “Tetaplah kamu di sini sehingga datang kepada kami sedeqah dan kami akan perintahkan supaya diberi kepadamu”. Kata Qabisah: “Kemudian Baginda SAW bersabda: ‘Hai Qabisah! Sesungguhnya meminta-minta tidak halal kecuali untuk tiga golongan sahaja. Lelaki yang menanggung bebanan maka halallah baginya meminta sehingga menyelesaikannya kemudian menyimpannya, lelaki yang ditimpa bencana sehingga binasa hartanya maka halal baginya meminta sehingga mencukupi bagi dirinya dalam meneruskan sisa kehidupan atau menyelesaikan keperluannya, lelaki yang ditimpa kefakiran sehingga datang tiga orang lelaki yang berakal dan bermaruah daripada kaumnya mengiyakannya yang dia telah ditimpa kefakiran maka layaklah untuknya meminta sehingga menyelesaikan keperluan hidupnya. Hai Qabisah! Selain daripada itu, meminta -minta itu dianggap sebagai haram dan memakannya adalah haram”. (Riwayat Muslim (1044) & Abu Daud (1640)

Pandangan fuqaha telah jelas dalam menentukan siapakah golongan yang layak untuk dibantu untuk melangsaikan hutangnya. Oleh itu, perbincangan hukum orang yang berhutang difokuskan kepada sumber sesuatu hutang diwujudkan serta tujuan dan matlamat sesuatu hutang diwujudkan. Hukum tersebut akan berubah berdasarkan situasi dan keperluan yang terkait dengan sumber hutang sahaja. Manakala, hukum yang terkait dengan tujuan berhutang adalah tetap dan tidak berubah kerana kesemua kriteria telah dijelaskan. Hal ini juga bertepatan dengan kaedah fiqh:

‘Setiap perkara adalah berdasarkan tujuannya’³

Oleh itu, sesuatu tujuan yang haram akan sentiasa haram dalam semua keadaan. Manakala tujuan yang diharuskan oleh syara akan sentiasa diharuskan melainkan jika berlaku pembaziran. Apabila hukum pinjamannya adalah haram, maka segala hukum yang tercabang daripadanya akan juga haram dan begitu juga disebaliknya.

Maka, bantuan zakat yang diagihkan untuk membantu melangsaikan hutang mestilah bertepatan dengan syarat yang diletakkan oleh fuqaha iaitu tidak berhutang dalam perkara maksiat. Berhutang secara riba atau berhutang untuk perkara yang diharamkan adalah termasuk dalam kategori maksiat. Oleh itu, agihan zakat kepada orang yang berhutang ceti haram adalah tidak dibenarkan oleh syarak berdasarkan penelitian nas-nas dan pandangan fuqaha kecuali setelah bertaubat dan diyakini kebenaran taubat mereka. Maka, ini bermakna para peminjam ceti haram dari segi hukumnya boleh diberi zakat jika mereka benar-benar bertaubat dan tidak akan mengulangi perbuatan tersebut (Mahadi Bin Mohamad, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali & Syahirah Salwa Md Harun, 2014).

³ Ali Ahmad An Nadwi, Al qawaid Alfihiyyah, (2015)

Begitu juga, bantuan zakat yang diagihkan untuk menjelaskan hutang adalah bantuan kepada mereka yang terbeban dengan hutang yang tidak dapat dilangsaikan. Pada asasnya, hutang yang diwujudkan adalah hutang yang terpaksa dilakukan berikutan keperluan mendesak untuk menghadapi kesusahan dalam kehidupan. Kesusahan yang dimaksudkan adalah merangkumi kesukaran mendapatkan keperluan asas (Abdul basit Bin Hodari et al, 2014).

Sekiranya keperluan tersebut mendesak sehingga terpaksa untuk mendapatkan hutang dengan cara riba, maka situasi ini dibenarkan dengan kadar yang diperlukan sahaja berdasarkan kaedah fiqh:

'Dharurat dibenarkan pada kadar yng diperlukan sahaja'

Sekiranya kadar pinjaman yang diwujudkan melebihi had kecukupannya (had kifayah), maka peminjam secara umumnya telah meminjam untuk perkara yang bukan keperluan atau boros dalam berbelanja.

Secara asasnya, hukum agihan zakat kepada orang yang berhutang ceti haram adalah tidak dibenarkan oleh syarak kecuali setelah mereka benar-benar bertaubat. Disamping itu, keadaan yang mendesak sehingga memaksa berhutang secara riba dengan syarat keperluan yang telah menafikan segala alternatif lain dan kadar yang dibenarkan adalah yang diperlukan sahaja. Oleh itu, perlu dinilai setiap situasi orang yang berhutang ceti haram melalui beberapa parameter iaitu kesempitan jalan sehingga terpaksa berhutang dengan ceti haram, tujuan hutang dilakukan, kebenaran taubatnya serta kadar hutang diwujudkan yang tidak melebihi had kifayahnya.

3.4 Dasar Majlis-Majlis Agama Islam Dalam Penentuan Bantuan Orang Yang Berhutang Ceti Haram

Berdasarkan penelitian terhadap nas-nas syara dan pandangan fuqaha, hukum bantuan zakat kepada orang yang berhutang ceti haram adalah dibenarkan sekiranya memenuhi syaratsyaratnya. Di peringkat Majlis Agama Islam negeri-negeri turut menunjukkan perbezaan pada penetapan bantuan hutang ceti haram ini. Sebahagian institusi zakat memberikan bantuan kepada penghutang dengan syarat tertentu dan sebahagiannya tidak memperuntukkan dana zakat bagi kes ini. Perbezaan penyediaan bantuan dalam kes ceti haram antara institusi-institusi zakat secara langsung mewujudkan perbezaan penetapan kelayakan asnaf gharimin antara institusi-institusi zakat (Mahadi Mohamad, Engku Muhamad Tajudin Engku Mohd Ali & Syahira Salwa Md Harun,). Berikut adalah senarai penetapan negeri-negeri berkenaan bantuan zakat kepada orang berhutang ceti haram di peringkat dasar:

Jadual 2: Dasar Bantuan Hutang Ceti haram di Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-negeri

Negeri	Penetapan Dasar Bantuan Untuk Hutang Ceti haram
Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Perlis	Hutang Ceti haram termasuk dalam kategori asnaf Al-Gharimin dan dinyatakan di dalam skim bantuan
Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Kelantan	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat tetapi terdapat kes yang dibantu setelah menerima pertimbangan pegawai
Majlis Agama Islam Melaka	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam Johor	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat, melainkan mendapat kelulusan Ahli Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)
Zakat Pulau Pinang	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam Sabah	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam Selangor	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat secara jelas. Sekadar meletakkan klausa ' <i>wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar</i> ' (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003).
Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam Kedah	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat
Majlis Agama Islam Perak	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat tetapi terdapat kes yang dibantu setelah menerima pertimbangan pegawai
Majlis Agama Islam Pahang	Hutang ceti haram tidak termasuk syarat melayakkan menerima bantuan zakat tetapi terdapat kes yang dibantu setelah menerima pertimbangan pegawai

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan tidak semua negeri meletakkan hutang ceti haram sebagai golongan asnaf Al-Gharimin. Daripada semua institusi zakat di bawah seliaan Majlis-Majlis Agama Islam semua negeri di Malaysia, hanya negeri Perlis sahaja meletakkan bantuan melunaskan hutang ceti haram di dalam skim bantuan. Sementara itu, Negeri Selangor tidak meletakkannya di bawah skim bantuan asnaf Al-gharimin tetapi sekadar menyatakan di dalam enakmen Agama Islam Negeri sekiranya orang yang ***berhutang mengalami ancaman kemudharatan kepada diri dan keluarga sekiranya pinjaman tidak dibayar.*** Walaubagaimanapun, hasil maklumat yang diperolehi daripada pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS), tidak ada kes yang dibantu setakat ini yang melibatkan Ceti haram.

Di samping itu, terdapat 3 negeri iaitu negeri Johor, Pahang dan termasuk Negeri Sembilan yang tidak menyatakan bantuan melunaskan hutang ceti haram di dalam skim, tetapi terdapat

beberapa kes yang dibantu yang melibatkan hutang ceti haram. Kes-kes yang terlibat adalah hasil pertimbangan Ahli Majlis Agama Islam Negeri dan pegawai yang terlibat. Manakala negeri-negeri lain secara jelas tidak menyatakan bantuan melunaskan hutang ceti haram di dalam skim dan tiada kes yang dibantu melibatkan hutang ceti haram. Hasil perbincangan dengan pegawai agihan zakat Negeri Perak, sepanjang 2019 hanya ada 1 kes sahaja yang dibantu yang melibatkan hutang ceti haram. Jumlah bantuan yang dikeluarkan adalah tidak melebihi RM4000.

Selain itu, di peringkat Wilayah Persekutuan, mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Dato Dr Zulkifli Al Bakri ada menyatakan perluasan bantuan asnaf Al Riqob bagi kes – kes yang melibatkan ancaman nyawa dan keselamatan seperti ceti haram. Walaubagimanapun, di dalam pembentangan taklimat wakalah bahagian baitulmal MAIWP telah menetapkan bantuan ceti haram adalah kategori bantuan yang tidak dibenarkan (Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Atiah Ahmad Hairunnizam Wahid, 2017).

Hampir semua negeri mengambil pendekatan untuk tidak meletakkan bantuan untuk menjelaskan hutang ceti haram di dalam skim bantuan asnaf al-gharimin. Secara umumnya, boleh disimpulkan bahawa majoriti Majlis-Majlis Agama Negeri di Malaysia mengambil pendekatan untuk menutup ruang dan peluang aktiviti pinjaman secara haram ini semakin berleluasa dan menutup jalan-jalan yang membawa kepada galakan orang Islam menyalahgunakan bantuan zakat yang disalurkan. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu:

'Saddu zarai' (menutup jalan-jalan yang membawa kepada perkara haram.

4.0 Kesimpulan

Hukum meminjam dengan ceti haram adalah haram melainkan di dalam keadaan *dharurah*. Unsur *dharurah* telah memberi ruang untuk keharusan untuk mengambil hutang ceti haram yang berunsurkan riba. Namun, kayu ukur untuk menilai unsur *dharurah* tersebut perlulah berdasarkan garis panduan yang telah diajarkan oleh ulama. Begitu juga pada peringkat pengagihan zakat kepada orang yang berhutang dengan ceti haram. Secara asasnya, hukumnya adalah dilarang kerana hukum pinjamannya haram maka segala hukum yang terkait dengannya akan haram. Disamping itu, hukum orang yang tidak melangsaikan hutang adalah haram. Tetapi, sekiranya hukum pinjamannya telah berubah kerana perubahan keadaannya, maka hukum pengagihan bantuan zakat juga akan berubah. Kelonggaran ini menunjukkan kelembutan dan fleksibel hukum di dalam Islam. Hal ini kerana syariat yang diturunkan adalah untuk kebaikan kepada umat Islam bukan untuk meyusahkan. Negeri-negeri di Malaysia berbeza pada penetapan hutang ceti haram. Terdapat negeri di Malaysia yang membantu kes orang yang berhutang ceti haram dan terdapat juga negeri yang tidak membantu. Negeri-negeri yang membantu terdiri daripada Negeri Perak, Perlis dan Negeri Sembilan. Perbezaan bagi ketiga-tiga negeri ini hanya pada syarat kelayakkan, panel pemutus keputusan dan jumlah bantuan.

5.0 Rujukan

Meerangani, K. A. (2017). Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam di Malaysia. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam*.

Hairunizam, W., Sanep, A., & Mohd Ali, M. N. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166.

Jabatan Wakaf, Zakat dan haji (2019), “Statistik Kutipan Zakat Harta dan Zakat Fitrah,” http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_map.php tarikh akses 8 ogos 2020

Wahid, H., & Ahmad, S. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.

Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2010). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.

Al-Qaradawi, Yusuf, Al- ‘Ibadat fi al-Islam, Jilid % (Beirut: Muassah al_Risalah,1977). Muhammad Sulayman

Ibrahim Al-bajuri, Hasyiah Baijuri ‘ala Syarh Ibn Qassim Al-Ghazzi

Azman Ab Rahman dan Hasanah Abd Khafidz, “Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Zakat di Malaysia” (Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia, 2015). Halaman 116.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, “taktifasnaf gharimin”
<https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>

Lembaga Zakat Selangor, “Penerima dan Kriteria Penerima Zakat”
<https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteria-penerimaan-zakat/>

Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, “Agihan dan Kewajipan”
<https://www.pbmalns.gov.my/v1/zakat/agihan/agihan-dan-kewajipan>

Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Perlis,
https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=8&Itemid=838&lang=ms

Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu, “Pengenalan Asnaf”
<http://www.maidam.gov.my/index.php/ms/siapa-penerima-zakat>

Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Kelantan, <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>

Majlis Agama Islam Melaka, “AsnaGharimin”
<https://www.maim.gov.my/index.php/my/organisasi/sektor-baitulmal/2019-03-27-07-4534/contact/asnaf-zakat-program/gharimin>

Majlis Agama Islam Johor, “Takrif Asnaf” http://www.maij.gov.my/?page_id=401

Zakat Pulau Pinang, <https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/jenis-agihan>

Majlis Agama Islam Sabah, “Takrif Asnaf” https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_asnaf.php

Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, “Asnaf” <https://www.tbs.org.my/www/?page=101>

Majlis Agama Islam & adat Istiadat Melayu Kelantan, <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>

Majlis Agama Islam Melaka, “AsnaGharimin”
<https://www.maim.gov.my/index.php/my/organisasi/sektor-baitulmal/2019-03-27-07-4534/contact/asnaf-zakat-program/gharimin>

Majlis Agama Islam Johor, “Takrif Asnaf” http://www.maij.gov.my/?page_id=401

Zakat Pulau Pinang, <https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/jenis-agihan>

Majlis Agama Islam Sabah, “Takrif Asnaf” https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_asnaf.php

Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, “Asnaf” <https://www.tbs.org.my/www/?page=101>

Majlis Agama Islam Kedah,
<http://www.maik.gov.my/en/Page?type=zByNQwF9FYw=&pid=FEjSf+2uhR4> = Majlis
Agama Islam Pahang, “Asnaf Zakat” <http://www.muip.gov.my/v4/baitulmal/zakat/bantuan-zakat/>

Majlis Agama Islam Perak, <https://www.maiamp.gov.my/>

Nor Aini Ali, Nor ‘Azzah Kamri & Suhaili Sarif (2018). Gelagat Penghutang Muslim Di Malaysia. Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu, Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari

Kamus Dewan Edisi Keempat, “Definisi Along”
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=along>

NurulSyaida “Statistik Pinjaman Ahlong <https://www.ppim.org.my/statistik-pinjaman-ahlongppim-11-10-2019/> tarikh akses Ogos 2020.

Mustafa al-Bugha et. al. (2009). Al-Fiqh al-Manhaji: Kitab Fikah Mazhab Syafie Terjemahan. Kuala Lumpur: Pustaka salam.

Tahir, H. M. (2009). Maqasid Syariah dalam Pengurusan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Negara. In *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Maqasid Syariah dalam pentadbiran Negara Peringkat Kebangsaan* (Vol. 13).

Mohammad, M., Engku Ali, E. M. T., & Md Harun, S. S. (2014). *Pentakrifan Asnaf Gharimin di Institusi-institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Hodari, A. B., Sarmidi, T., & Salleh, N. H. M. (2014). Hutang dan golongan muda di Malaysia: Satu kajian awal. *Prosiding Persidangan Kemajuan Ekonomi Malaysia Ke-9*, 9, 833-844.

Laporan Jabatan Zakat Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBMalNS)-MAINS (2019).

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Kesebelas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga (2006)

Yusuf al-Qaradhawi. (2010). *Hukum Zakat*. Trj. Pustaka Nasional